

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 January 2016

Kerjasama perniagaan merentasi batasan kaum - PM

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak percaya kerjasama lebih erat antara usahawan Cina dan bumiputera akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, dua kelompok terbabit digalakkan untuk menubuhkan syarikat secara perkongsian dengan matlamat memanfaatkan segala peluang perniagaan baharu.

Beliau yang juga Menteri Kewangan memberitahu, semangat kerjasama itu hendaklah dipupuk bagi menghapuskan segala batasan serta halangan yang berpunca daripada perbezaan identiti kaum.

"Kerajaan menyokong sepenuhnya inisiatif *One Belt and One Road* yang kita percaya boleh melonjakkan pembangunan negara dan rantau Asia Tenggara.

"Kita juga mahu melihat lebih banyak usahawan tempatan mengambil peluang sedemikian," katanya ketika berucap merasmikan Wisma Huazong di Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Paul Low Seng Kuan serta

Um - 17/1/2016

Kerajaan menyokong sepenuhnya inisiatif 'One Belt and One Road' yang kita percaya boleh melonjakkan pembangunan negara dan rantau Asia Tenggara. Kita juga mahu melihat lebih banyak usahawan tempatan mengambil peluang sedemikian."

NAJIB TUN RAZAK Perdana Menteri

Duta Besar China ke Malaysia, Dr. Huang Huikang dan Presiden Huazong, Tan Sri Pheng Yin Huah.

Najib menambah, komuniti perniagaan juga seharusnya mencontohi kerjasama pelbagai kaum dalam Barisan Nasional (BN) bagi menjayakan matlamat membina sebuah negara yang lebih bersatu padu dan progresif.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, Malaysia tidak boleh mengambil pendirian berkecuali berhubung penyertaan dalam perjanjian perdagangan bebas

termasuk Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"Kita tidak boleh berada di luar potensi ekonomi dan perdagangan yang boleh memberi manfaat kepada negara," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa memastikan setiap dasar yang dilaksanakan menyumbang kepada kemakmuran negara yang seterusnya dinikmati oleh rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, Najib mengumumkan kerajaan akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM3 juta bagi menampung kos keseluruhan pembinaan Wisma Huazong berjumlah RM85 juta.

"Saya difahamkan Wisma Huazong ini masih kekurangan dana kira-kira RM12 juta jadi pada majlis ini, saya menyatakan komitmen kerajaan untuk menambah RM3 juta," katanya.

Menurut beliau, kerajaan sebelum ini meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi dana pembinaan Wisma Huizong pada 2011 serta memberi pelepasan cukai berjumlah RM42 juta kepada para penyumbang.

Perdana Menteri turut menyumbang sebanyak 500 naskhah buku mengenai peradaban dan kebudayaan kaum Cina untuk Wisma Huazong.